**AKTIVITI** : **INSTUN MENERIMA ANUGERAH DAN PENARAFAN CEMERLANG LIMA BINTANG INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN (iAKKP) TAHUN 2019**

**TARIKH** : 16 Mac 2021 (Selasa) / 9.30 pagi

**TEMPAT** **:** Dewan Serba Guna, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, Ipoh Perak.

**PENGLIBATAN** : En. Mohd Ridzuan bin Mohd Mahyudin - Pendaftar,
En. Aminudin bin Ramli - Pegawai Keselamatan,
En. Mohd Hafiz bin Abd Aziz – Pereka / Jurufoto
En. Mohd. Safri bin Kamarudin - Pemandu

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima anugerah dan penarafan cemerlang lima bintang Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (iAKKP) tahun 2019. Penarafan ini diberi berdasarkan penilaian semua pembuktian yang telah dikemukakan semasa inspektorat dilakukan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dengan mengambil kira empat kriteria utama iaitu komitmen pengurusan, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi.

Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (iAKKP) adalah program khas untuk menilai, mengukur prestasi penyampaian sistem pengurusan keselamatan perlindungan serta menggalakkan pembudayaan persekitaran pada tahap cemerlang yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2012.

Majlis penyampaian Sijil iAKKP telah disempurnakan oleh Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Perak, Encik Addy Huszairi bin Husin manakala INSTUN diwakili oleh Encik Mohd Ridzuan bin Mohd Mahyudin (Pendaftar) mewakili Puan Pengarah INSTUN.

Penyerahan Sijil iAKKP kepada Puan Norehan binti Omar (Pengarah) telah dilaksanakan di Pejabat Pengarah, Aras 6 Wisma INSTUN dengan kehadiran Encik Zulhasmi bin Mohamad (KB BPPT), Encik Ganesh Babu Devar a/l Kuppan (KB BPP) dan Seksyen Keselamatan.


ANUGERAH KHAS
KESELAMATAN PERLINDUNGAN
TAHUN 2019
Cemerlang
Kepada
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
NEGERI PERAK
TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara


PENARAFAN BINTANG iAKKP 2019
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KAMPAR
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA NEGERI PERAK
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
PEJABAT PENGARAH PENJARA NEGERI PERAK
INSTITUT LATIHAN KEM KESIHATAN SULTAN AZLAN SHAH
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA NEGERI PERAK
MAJLIS AMANAH RAKYAT NEGERI PERAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BATANG PADANG
Tahniah kepada jabatan yang menerima sijil iAKKP tahun 2019
dan jabatan yang terpilih bagi iAKKP tahun 2021
Terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan majlis ini
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, NEGERI PERAK, JABATAN PERDANA MENTERI, TINGKAT BAWAH, BLOK C, BANGUNAN PERSEKUTUAN IPOH, JALAN DATO' SERI AHMAD SAID, 30450
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL
INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS
KESELAMATAN PERLINDUNGAN (iAKKP)
TAHUN 2019
DAN
TAKLIMAT iAKKP TAHUN 2021
TARIKH : 16 MAC 2021
MASA : 9.30 PAGI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN














INSTITUT
TANAH DAN UKUR
NEGARA